

JATI DIRI INSAN BERTAKWA
(1445/2024 H)

Khutbah pertama

اللهُ أَكْبَرُ (3 كالي) اللهُ أَكْبَرُ (3 كالي) اللهُ أَكْبَرُ (1 كالي) اللهُ أَكْبَرُ
كَبِيرًا و الْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا . الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَنَا
لِعِبَادَتِهِ . وَجَعَلَ هَذَا الْيَوْمَ فَرَحًا لِعِبَادِهِ الْمُتَّقِينَ الَّذِينَ فَازُوا بِصِيَامِ رَمَضَانَ
وَقِيَامِهِ . وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ . أَمَّا بَعْدُ , فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ...!! أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ
بِالتَّقْوَى اللهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Saya mengingatkan diri saya sendiri dan kepada sidang muslimin dan muslimat sekalian. Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa, dengan melakukan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٢٢﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.*

Hari ini ialah Hari Raya Aidilfitri, hari kemenangan, kegembiraan, dan kesyukuran bagi mereka yang telah berjaya menunaikan ibadah puasa dan menghidupkan sepanjang bulan Ramadan dengan beribadah, sama ada yang wajib atau yang sunat.

Ganjaran ibadah puasa yang kita kerjakan menjadi rahsia hamba dengan Allah SWT. Hanya Allah Yang Maha Mengetahui dan Dia akan menyediakan balasan yang baik kepada para hamba-Nya selepas kita dibangkitkan semula di Akhirat nanti.

Firman Allah:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً ۗ^ط
وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

Maksudnya: *Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.*

(An Nahl : 97)

الله أكبر, الله أكبر, الله أكبر, والله الحمد

Muslimin dan muslimat sekalian,

Sesungguhnya, ibadah puasa yang kita kerjakan atas dasar keimanan dan keikhlasan semata-mata untuk mencari keredhaan Allah SWT, serta dilakukan seperti mana yang disyariatkan oleh Allah dan Rasul-Nya, pastinya ibadah tersebut bukan sahaja akan mendapat

ganjaran yang berlipat ganda, malahan ibadah puasa tersebut memberi kesan yang amat mendalam sebagai suatu proses tarbiah jasadiyah dan rohaniah. Natijahnya, ibadah puasa akan membentuk jati diri sebagai hamba Allah yang benar-benar beriman dan bertakwa kepada-Nya.

Firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 183:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas umat yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.*

الله أكبر, الله أكبر, الله أكبر, والله الحمد

Muslimin dan muslimat sekalian,

Maksud TAKWA menurut Abdullah bin Masu'd RA, beliau berkata: *“Bertakwa ialah kamu sentiasa mengingati Allah, tidak melupai-Nya, patuh kepada-Nya, tidak menderhaka kepada-Nya, bersyukur dan tidak ingkar kepada-Nya”*. Manakala Ibnu Abbas RA pula memberi pengertian TAKWA, iaitu *“Takut kepada Allah, tidak melakukan perbuatan Syirik, dan selalu mengerjakan ketaatan kepada Allah SWT”*.

Kesimpulan yang dapat dibuat mengenai sifat seseorang yang bertakwa ialah:

1. Mereka sentiasa takut kepada Allah, iaitu takut melakukan segala perbuatan yang membawa kepada mensyirikkan Allah SWT, tidak melakukan kemungkaran yang dilarang oleh Allah dan Rasul-Nya kerana takut dan gerun dengan balasan azab seksa yang Allah SWT sediakan di Hari Akhirat nanti untuk mereka yang ingkar.
2. Orang yang bertakwa sentiasa muhasabah dirinya, tidak sombong, dan sentiasa redha dengan ketentuan Allah serta sentiasa bersyukur akan nikmat Allah.
3. Orang yang bertakwa sentiasa meletakkan keutamaan hukum syarak ditempat yang tertinggi, dan dia selalu dalam keadaan berwaspada kerana takut terlanggar batas-batas ketetapan Allah dan Rasul-Nya.

الله أكبر , الله أكبر , الله أكبر والله الحمد

Sidang jamaah sekalian,

Takwa yang dibentuk melalui madrasah Ramadan tidak hanya terbatas di bulan Ramadan sahaja. Tetapi, hendaklah diteruskan pada bulan-bulan seterusnya walaupun bulan Ramadan telah berlalu.

Allah SWT memerintahkan kita supaya beristiqamah, iaitu berterusan dalam bertakwa kepada-Nya. Orang yang beristiqamah dalam bertakwa sentiasa dikunjungi oleh Malaikat yang membawa rahmat kepadanya. Dia juga tidak takut dan tidak bersedih apabila ditimpa sebarang musibah kerana keyakinannya yang tinggi bahawa

setiap musibah yang berlaku merupakan ketentuan dan ujian daripada Allah SWT. Balasan orang yang beristiqamah dalam bertakwa di akhirat kelak ialah Syurga.

Firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ ﴿١٣﴾

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: "Tuhan Kami ialah Allah", kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul, akan turunlah malaikat kepada mereka dari semasa ke semasa (dengan memberi ilham): "Janganlah kamu bimbang (dari berlakunya kejadian yang tidak baik terhadap kamu) dan janganlah kamu berdukacita, dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh syurga yang telah dijanjikan kepada kamu.

Surah Al Ahqaf : 13 dan 12

الله أكبر , الله أكبر , الله أكبر و الله الحمد

Sidang muslimin dan muslimat sekalian,

Aidilfitri, maknanya ialah kembali kepada fitrah, atau kembali kepada sesuatu yang suci murni.

Kembali kepada fitrah dengan maksud yang lebih umum, ialah kembali kepada Islam yang berupa ajaran Allah SWT yang sebenar , para Nabi dan Rasul diutuskan oleh Allah SWT untuk mengajar dan membimbing manusia kepada Islam. Hanya dengan Islam menjamin

kebenaran dan selamat dari segala bentuk kesesatan, kesesatan dalam berakidah, kesesatan dalam urusan ibadah, dan kesesatan dalam perkara kelakuan atau akhlak.

Firman Allah:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ
الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿١٠٦﴾

Maksudnya: *Dia lah Yang telah mengutuskan di kalangan orang-orang (Arab) yang ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.*

Surah Al-Jumaah : 2

الله أكبر, الله أكبر, الله أكبر, والله الحمد

Muslimin dan muslimat sekalian,

Mutakhir ini, telah diketahui umum, di mana pelbagai isu sengaja ditimbulkan untuk tidak menghormati kedudukan dan kesucian Islam tanpa memperdulikan sensitiviti umat Islam yang merupakan majoriti di negara ini. Sebagai contoh, usaha terancang untuk menggagalkan pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah di Malaysia.

Ekoran apabila ada pihak mencabar kesahihan Enekmen Kanun Jenayah Syariah (1) Kelantan 2019, maka Mahkamah Persekutuan telah membuat keputusan Kanun Jenayah Syariah di Kelantan terbatal dan tidak sah untuk dilaksanakan di Mahkamah Syariah di negeri Kelantan.

Sidang jamaah sekalian, tidak mustahil isu yang sama tentang pembatalan Enekmen Jenayah Syariah akan merebak ke negeri-negeri yang lain selepas Kelantan sekiranya ada pihak tertentu cuba mencabar di Mahkamah Pesekutuan. Walaubagaimanapun, perkara ini tidak akan berlaku sekiranya umat Islam, lelaki mahu pun perempuan, pemimpin dan rakyat, para agamawan dan intelektual, semuanya bersatu padu meninggikan kedudukan hukum Syariat Allah SWT berbanding dengan undang-undang sivil ciptaan akal manusia.

Sesungguhnya, tidak ada pilihan lain yang lebih sempurna melainkan syariat Allah SWT yang lengkap meliputi seluruh aspek kehidupan manusia untuk dijadikan panduan dan peraturan yang sebenar bagi mengurus kehidupan di dunia dan kebahagiaan hidup di akhirat.

Allah SWT mengingatkan melalui Firman-Nya:

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: *Kesudahannya Kami jadikan engkau (Wahai Muhammad dan utuskan engkau) menjalankan satu syariat (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum ugama; maka turutlah syariat itu, dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (perkara Yang benar).*

(Surah Al Jathiyah : 18)

Pada kesempatan yang mulia ini, marilah kita memperbaharui keazaman bagi memantapkan keimanan, meningkatkan kefahaman Islam melalui penguasaan ilmu dari sumber yang sahih, membina sifat-sifat ketakwaan di kalangan ahli keluarga dan masyarakat, dan membina kekuatan ukhwah sesama kita. Begitu juga, mengajak masyarakat berpegang dengan Islam dan mengamalkannya dalam seluruh kehidupan, dari sekecil-kecil perkara hingga sebesar-besar perkara.

Bagi tujuan mendaulatkan Syariat dan hukum-hukum Allah SWT, marilah kita mengambil pengajaran dari ketegasan, keadilan dan ketelusan baginda Rasulullah SAW dalam menjalankan hukum-hukum Islam.

Dinukilkan dari satu hadith: riwayat Imam Bukhari dan Muslim: Daripada Umul Mukminah: Aishah RA: Maksudnya: *Bahawa orang Quraisy gelisah terhadap kes seorang perempuan bani Makhzum yang mencuri, lalu mereka berkata: Siapakah yang akan menjadi orang perantaraan dengan Rasulullah SAW?, lalu mereka berkata: bahawa tiada ada sesiapa yang berani melainkan Usamah bin Zaid orang yang dikasihi Rasulullah SAW. Lalu Usamah datang berbincang dengan baginda. Baginda bersabda: Apakah kamu mahu memberi satu syafaat/pelepasan suatu hukum hudud? Kemudian baginda berdiri dan bersabda: Wahai manusia!! Sesungguhnya dibinasakan mereka sebelum kamu, apabila orang yang mulia mencuri mereka tidak memperdulikannya (melepaskannya), tetapi apabila orang yang lemah mencuri, mereka menjatuhkan hukuman ke atasnya. **Demi Allah!! Seandainya Fatimah binti Muhammad mencuri, akan aku potong tangannya**".*

الله أكبر, الله أكبر, الله أكبر, والله الحمد

Muslimin dan muslimat sekalian,

Saat kita bergembira, menikmati pelbagai jenis hidangan dan juadah yang lazat, janganlah kita melupakan saudara seakidah dengan kita, iaitu umat Islam di Palestin, iaitu di semenanjung Gaza, yang sedang menghadapi kemelut yang amat sukar dan menyedihkan akibat kezaliman dan kekejaman yang dilakukan oleh tentera-tentera Yahudi Zionis laknatullah.

Segala kemudahan awam dimusnahkan dengan bedilan roket dan bom. Puluhan ribu rakyat Palestin telah menjadi syuhada' Anak-anak kecil menjadi yatim piatu. Mereka yang cedera tidak mendapat rawatan yang sepatutnya kerana kekurangan ubat dan peralatan. Hospital As-Syifa' dibakar dan dibom bersama para doktor, jururawat, ahli keluarga, dan para pesakit di dalamnya yang sedang mendapat rawatan, tanpa ada sedikit pun belas kasihan dan perikemanusiaan.

Selain itu, makanan dan minuman tidak mencukupi. Malah, bantuan kemanusiaan disekat dan dimusnahkan, tidak sampai kepada mereka yang memerlukan melainkan sedikit.

Demikianlah kezaliman yang luar biasa terhadap umat Islam di Palestin. Apa yang lebih menyedihkan dan mengecewakan, pemimpin-pemimpin Islam yang berjiran dengan Palestin boleh tidur dengan nyenyak tanpa bersimpati, jauh sekali menghulurkan bantuan ketika mana saudara seakidah dengan mereka dizalimi di depan mata. Mereka adalah pemimpin-pemimpin yang hipokrit dan mementingkan diri sendiri kerana mereka juga mempunyai kepentingan tertentu dengan negara haram Israel dan sekutu-sekutunya.

Meskipun kedudukan geografi Negara kita jauh dari Palestin, namun hati kita hendaklah sentiasa dekat dengan hati rakyat Palestin. Orang yang beriman adalah bersaudara. Tidak ada batasan perkauman, bangsa, warna kulit, dan daerah, kerana umat Islam yang beriman adalah diibaratkan seperti satu batang tubuh yang satu. Rasulullah SAW bersabda:

عن النعمان بن بشير قال : قال رسول الله (ص) : مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرَ الْجَسَدِ بِالسَّهَرِ وَالْحُمَّى . رواه مسلم

Maksudnya: *Daripada Nu'Man bin Basyir dia berkata: bahawa Rasulullah SAW bersabda: Perumpamaan orang-orang yang beriman dalam hal saling mencintai, mengasihi dan menyayangi di antara mereka adalah diibaratkan satu tubuh. Apabila salah satu anggota tubuh yang sakit, maka seluruh tubuhnya akan ikut berjaga (tidak boleh tidur) dan panas kerana merasakan kesakitannya.*

Justeru, marilah kita bersolidariti dengan rakyat Palestin dan teruskan berdoa kepada Allah SWT agar setiap daripada mereka diberikan kekuatan dan ketabahan, serta akhirnya mendapat kemenangan dan berjaya membebaskan bumi suci Palestin daripada penjajah, serta memelihara masjid Al-Aqsa yang menjadi kiblat pertama umat Islam.

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا بِطَانَةَ مِّن دُونِكُمْ لَا يَأْلُونَكُمْ خَبَالًا وَدُّوا مَا
عَنِتُّمْ قَدْ بَدَتِ الْبَغْضَاءُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ وَمَا تُخْفِي صُدُورُهُمْ أَكْبَرُ قَدْ بَيَّنَّا لَكُمُ
الْآيَاتِ إِن كُنْتُمْ تَعْقِلُونَ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang yang bukan dari kalangan kamu menjadi "orang dalam" (yang dipercayai). Mereka tidak akan berhenti-henti berusaha mendatangkan bencana kepada kamu. Mereka sukakan apa yang menyusahkan kamu. Telah pun nyata (tanda-tanda) kebencian mereka dalam pertuturan mulut-mulut mereka, dan apa yang disembunyikan dalam hati mereka lebih besar lagi. Sesungguhnya telah Kami jelaskan kepada kamu keterangan itu jika kamu (mahu) memahaminya.

(Surah Ali Imran : 118)

أقول قولى هذا , أستغفر الله لي ولكم ولسائر المسلمين والمسلمات
فاستغفروه إنه هو الغفور الرحيم

Khutbah Kedua

الله أكبر ، الله أكبر ، الله أكبر ، الله أكبر ، الله أكبر ، الله أكبر ،
الله أكبر ، الله أكبر ، الله أكبر ، والله الحَمْدُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَحْدَهُ ، صَدَقَ وَعْدُهُ ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ ، وَهَزَمَ
الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ
وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ، الرَّحْمَةَ الْمُهْدَاةَ، وَالْمِصْبَاحَ الْمُنِيرَ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ نَبِيِّ الرَّحْمَةِ وَشَفِيعِ الْأُمَّةِ، وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ وَنَصَرَهُ وَوَالَاهُ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَقَاضِي
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ يَا اللَّهُ، أَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَنْصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَدُوِّهِمْ ، اللَّهُمَّ لَا تُسَلِّطْ عَلَيْنَا مَنْ لَا يَخَافُكَ
وَلَا يَرْحَمُنَا، اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ الَّذِينَ
يُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِكَ فِي كُلِّ زَمَانٍ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ خُصُوصًا فِي
فلسطين.

اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ وَ يَا مُجْرِي السَّحَابِ وَ يَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ،
إِهْزِمَهُمْ وَ أَنْصُرْنَا عَلَيْهِمْ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَ الْمُسْلِمِينَ وَ أذِلَّ الشُّرْكَ وَ الْمُشْرِكِينَ وَ دَمِّرْ
أَعْدَاءَ الدِّينِ وَ أَنْصُرْ عِبَادَكَ الْمُؤْمِنِينَ. اللَّهُمَّ تَقَبَّلْ مِنَّا صَلَاتَنَا
وَ صِيَامَنَا وَ قِيَامَنَا وَ ذَكَاتَنَا وَ جَمِيعَ حَسَنَاتِنَا وَ اجْعَلْهَا خَالِصَةً لِرُجُوعِكَ
الْكَرِيمِ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَ فِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ.

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَ تَحِيَّتُهُمْ فِيهَا سَلَامٌ وَ آخِرُ دَعْوَاهُمْ أَنْ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ
الْعَالَمِينَ

Disusun dan diterbitkan oleh :

Dewan Ulamak PAS Perlis (DUPPs 1445/2024)